

Bilangan penghidap bertambah sehingga 106,000 orang menjelang tahun 2040

WOSMO 19/08/2019 M/S 06

Pesakit buah pinggang meningkat

KUALA LUMPUR – Bilangan pesakit buah pinggang di seluruh negara dijangka meningkat sehingga 106,000 orang menjelang tahun 2040.

Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Bahari Awang Ngah berkata, menurut data National Renal Registry Malaysia pada penghujung tahun 2016, terdapat 39,711 pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang menjalani rawatan dialisis di seluruh negara.

“Jumlah itu, bagaimanapun akan terus meningkat berlipat kali ganda pada setiap tahun.

“Pesakit buah pinggang yang menerima rawatan dialisis adalah penghidap diabetes atau kencing manis,” katanya dalam sidang media selepas merasmikan laman rasmi Facebook Page, *MYBuahPinggang* di sini

semalam.

Pada masa sama, Bahari turut menggalakkan pesakit kronik buah pinggang tahap 5 menerima rawatan Peritoneal Dialisis berbanding Hemodialisis.

Menurutnya, Peritoneal Dialisis atau proses cuci air di dalam rongga perut adalah pilihan dialisis yang memberi kualiti hidup yang lebih baik jika dibandingkan dengan *hemodialisis* (cuci darah).

“Buat masa ini, kami masih lagi memberi kebebasan kepada pesakit untuk memilih jenis rawatan dialisis. Rawatan ini telah dimulakan sejak 1960-an cuma ia tidak popular sebab tidak diuar-uarkan kepada masyarakat.

“Hanya 13 peratus pesakit baharu buah pinggang yang mene-

rima kaedah rawatan ini pada 2016 berbanding 10 peratus pada 2011. Untuk itu, kami menasarakan 30 ke 40 peratus pesakit akan menggunakan kaedah rawatan ini bermula tahun ini,” katanya.



BAHARI

Bagaimanapun, katanya, kaedah terbaik dalam merawat masalah buah pinggang adalah melalui transplan atau pemindahan buah pinggang namun tahap kesedaran masyarakat di negara ini terhadap pendermaan organ masih rendah.

“Sekarang, nisbah tiga penderma untuk sejuta penduduk di seluruh negara dan jumlah ini amat menyedihkan,” katanya.

“Walaupun pemindahan organ dibenarkan dalam agama, masyarakat masih lagi skeptikal

mengenai perkara itu. Oleh itu, kami menasarakan 100 penderma buah pinggang sehingga penghujung tahun ini,” katanya.

Sementara itu, laman rasmi Facebook Page, *MYBuahPinggang* mula dibangunkan sejak 2 Julai lepas hasil perbincangan Pakar Perunding Nefrologi Hospital Tuanku Jaafar, Seremban, Dr. Lily Mushahar dengan tiga lagi pakar Perunding Nefrologi iaitu Dr. Suryati Yakob, Dr. Nor Fadhlina Zakaria dan Dr. Rafidah Abdullah.

“Saya turut diselenggarakan tiga pesakit yang menjalani Peritoneal Dialisis iaitu Peter Tan, Shazwani Taib dan Dr. Mohd. Reduan Buyong.

“Penggunaan laman ini adalah sebagai platform dalam memastikan hanya informasi yang berfakta dan tepat disampaikan kepada masyarakat,” katanya.



PENGHIDAP diabetes adalah antara pesakit buah pinggang banyak melakukan rawatan dialisis. – Gamba hiasan